

**AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM KALANGAN  
GURU BAHASA MELAYU DI SELANGOR**

**Siti Nafsiah Ismail**  
**\*Zuraidah Abdullah**  
**Abdul Jalil Othman**  
**Salwati Shafie**

Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
*\*zuraidahab@um.edu.my*

**ABSTRACT**

This study aims to identify the level of Professional Learning Community(PLC) Bahasa Malaysia teachers in Selangor. A total of 450 teachers from 42 schools in Selangor were involved as respondents in this study. This quantitative study uses survey methods for the purpose of data collection. Data were collected through a set of which was developed through the Fuzzy Delphi method based on the concenses of 12 experts. The quantitative data collected were analyzed using SPSS version 23.0 and SEM PLS 3.0. The results showed that the level of professional learning community practice of Malay language teachers in Selangor was at high level for each PLC dimension based on overall average score (Min = 3.92, SP = 0.509). In addition, the findings also show that there is a significant relationship between the dimensions of PLC. Finally, it is hoped that the findings of this study will have a positive impact on the implementation of PLC in the next school to the improvement of student learning at school.

**Keywords:** Professional Learning Community, Fuzzy Delphi, Malaysia, Malay language teachers

**PENGENALAN**

Perubahan dasar dalam pendidikan di Malaysia menjadikan kerjaya guru semakin mencabar dalam abad 21 ini. Sebagai nadi kepada semua pembaharuan dan perubahan dalam pembangunan pendidikan berkualiti di Malaysia (KPM, 2013), guru sentiasa mencari pelbagai pendekatan baharu dalam pengajaran demi meningkatkan kualiti pendidikan. Guru memastikan hasil-hasil pembelajaran yang maksimum kepada murid di sekolah (Nuraini Abu Bakar dan Zanaton Iksan, 2015), guru lebih kreatif dan inovatif (Anuar, Siti Haishah dan Nur Atiqah, 2009; Rozita Radhiah dan Abd Rasid, 2012; Mohd Radzi, 2016) untuk memastikan sistem penyampaian menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat murid untuk belajar (Rohani, Hazri dan Nordin, 2010).

Pemantapan latihan pembangunan profesionalisme guru membolehkan guru lebih kompeten dalam menjalankan tugas dan peranan mereka (BPG,2013) kerana ini merupakan kaedah terbaik untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran guru seterusnya keberkesanan sekolah (Hussein Mahmood, 2008; Rusmini Ku Ahmad, 2005; Nor Hasnida Che Ghazali, 2010; Supovitz dan Turner, 2000). Sehubungan dengan itu, Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) diperkenalkan oleh BPG dalam Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan mulai tahun 2013. Menurut (Fullan, 2010), KPP

merupakan salah satu proses penambahanbaikan sekolah. Budaya KPP ini melibatkan jalinan hubungan rakan sekerja termasuk pengetua, guru besar, penolong kanan, guru kanan, dan guru panitia dalam usaha untuk memperluas dan mempertingkatkan amalan-amalan terbaik pengajaran guru serta memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka selaras dengan kecekapan yang sewajarnya (BPG, 2010).

Seterusnya KPP mewujudkan nilai-nilai pembelajaran yang mementingkan kolaboratif dalam kalangan guru, murid dan pengetua bagi menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran serta kesejahteraan semua warga sekolah (Dufour, 2010; Myers dan Simpson, 1998; Aziah *et al.*, 2015). Di samping itu juga, amalan KPP ini dapat membentuk komuniti sekolah yang menjalankan hubungan yang baik dengan persekitaran sama ada secara dalaman maupun luaran bagi menyelesaikan permasalahan murid dan mewujudkan sekolah berkesan. Melalui KPP juga menjadikan guru belajar ilmu mengajar yang baharu dan memberi tambah nilai kepada corak pengajaran lama bagi menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan dan berkualiti (Mazlina@SitiAishah, 2016).

## PENYATAAN MASALAH

Terdapat permasalahan tentang pengajaran guru di sekolah antaranya guru-guru didapati masih cenderung untuk bekerja secara bersendirian (Stegall, 2011), jarang mengamalkan budaya perkongsian pengalaman dan bahan pengajaran dengan rakan sekerja mereka (Roberts & Pruitt, 2009; Zuraidah, 2010). Guru juga didapati masih tidak terbuka untuk berbincang dengan rakan sejawat dan pentadbir sekolah untuk mendapatkan maklum balas tentang pengajaran mereka di bilik darjah (Roberts & Pruitt, 2009). Kesan kekurangan perkongsian ilmu dan ketiadaan perbincangan tentang peningkatan kemahiran mengajar dan bertindak secara bersendirian menyebabkan guru tidak dapat meningkatkan kemahiran mereka dan sekali gus menjelaskan prestasi pembelajaran murid (Zaleha binti Ismail & Nor Ashikin Binti Ab Rahman, 2007).

Di samping itu juga, terdapat sekolah yang kurang memberikan galakan terhadap guru untuk mewujudkan budaya kolaboratif (Ginger M. Teague & Vincent A. Anfara, 2012) sedangkan guru perlu bekerja sebagai satu pasukan secara berterusan sehingga wujudnya sebuah pasukan pembelajaran (Fullan, 2010). Begitu juga dengan pendapat Muhammad Faizal dan rakan-rakan (2012) juga bersetuju bahawa sesi pertukaran idea secara profesional tidak dapat dilaksanakan secara giat dan dijalankan secara berasingan telah menyebabkan pembelajaran guru pada hari ini tersasar.

Dalam laporan pemeriksaan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) KPM 2013, didapati tahap pengajaran dan pembelajaran guru secara keseluruhan berada pada tahap Harapan iaitu 51.81%, manakala tahap pengajaran dan pembelajaran Baik dan Cemerlang berada pada 21.0% daripada 12,045 orang guru yang diselia (KPM, 2013). Untuk membolehkan pengajaran berkesan berlaku, perubahan dan penambahbaikan terhadap pengajaran guru perlu dilakukan (Nuraini Abu Bakar & Zanaton Ikhwan, 2016). Guru perlu mengubah sikap dari segi pemikiran, meningkatkan komitmen dan memperoleh kemahiran-kemahiran baharu supaya menjadi guru yang lebih kompeten dalam pengajaran (Anuar Ahmad & Nelson Jinggan, 2015).

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dan mengenal pasti jika terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi-dimensi KPP.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- 1) Mengenal pasti tahap amalan KPP guru bahasa Melayu sekolah amanah, sekolah transformasi dan sekolah berprestasi tinggi di Selangor.
- 2) Mengenal pasti adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi-dimensi KPP.

## SOROTAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan aspek berikut:

### **Komuniti Pembelajaran Profesional**

Berdasarkan sorotan kajian yang dijalankan, Sujirah Ibrahim & Zuraidah Abdullah (2010), mendapati model komuniti pembelajaran profesional yang dibangunkan oleh Hord (1997) kemudian ditambah baik oleh Hipp & Huffman (2003) adalah suatu model yang sangat sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hasil kajian mendapati guru-guru di sekolah yang terlibat telah mengamalkan pembelajaran kolektif dan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan memastikan murid-murid belajar dan melakukan program-program penambahbaikan. Muhammad Faizal, Saedah Siraj, Zuraidah Abdullah & Fariza (2011), telah mendapati peranan seorang pengetua adalah sebagai pemimpin dalam proses pembelajaran. Pengetua juga mengetuai pasukan yang bekerja secara kolaboratif, warga sekolah diberikan kebebasan terkawal oleh pihak kepimpinan sekolah iaitu sekolah perlu memberikan autonomi kepada warga sekolah mereka pada tahap yang maksimum, menyokong, melindungi, mempertahankan misi komuniti pembelajaran profesional dan mengiktiraf nilai murni warga sekolah.

Mohd Yusri Ibrahim & Aziz Amin (2014), telah berjaya membangunkan model kesan kepimpinan pengajaran pengetua terhadap kompetensi pengajaran guru. Dapatkan kajian ini mencadangkan bahawa kepemimpinan pengajaran pengetua terdiri daripada tiga dimensi utama iaitu mendefinisi matlamat sekolah, mengurus kurikulum dan pengajaran serta memupuk iklim pengajaran dan pembelajaran. Pengetua perlu memberi tumpuan utama dalam aspek kepimpinan pengajaran dalam urusan kerja seharian mereka kerana kepimpinan pengajaran terbukti menyumbang secara positif terhadap kualiti pengajaran guru.

Dima Mazlina@Siti Aishah Bt. Abu Bakar (2016), dalam kajiannya menyatakan sesbuah sesi perkongsian ilmu yang dijalankan setiap minggu, guru-guru berperanan sebagai pembimbing dan mentor yang akan dapat membantu guru-guru menimba ilmu mengajar. Guru-guru juga telah diberi pendedahan tentang teknik, kaedah dan pendekatan yang relevan sesuai dengan perkembangan dunia pendidikan global. Pembudayaan KPP ini dalam kalangan guru Bahasa Melayu diperlukan bagi menghasilkan guru yang berkualiti dan sentiasa proaktif untuk menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Sementara itu, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Muhamad Rozaimi Ramle, Jamal@Nordin Yunus (2016), mendapati KPP merupakan aktiviti pembelajaran secara berterusan tanpa mengambil kira kedudukan (hierarki) dalam kalangan staf dan menghasilkan tahap pelibatan warga sekolah khususnya guru dalam proses penambahbaikan sekolah adalah tinggi dan berupaya meningkatkan pencapaian diri mereka. Bagi mewujudkan KPP peranan kepimpinan sekolah amat diperlukan agar berupaya melakukan perubahan terhadap pencapaian sekolah. Amalan-amalan KPP untuk pemimpin sekolah perlu dilaksanakan bersama-sama guru agar perubahan yang dilaksanakan menjurus kepada peningkatan pembelajaran murid di sekolah.

Seterusnya Marziah Rahim & Zanaton Ikhsan pada tahun 2015 menyatakan KPP adalah salah satu usaha untuk menambah baik pencapaian sekolah bagi membentuk budaya pembelajaran dalam kalangan guru di dalam organisasi sekolah. Ini merupakan suatu proses di mana guru berusaha membangunkan potensi diri menerusi pelaksanaan kerja dan pembelajaran dalam satu pasukan secara berterusan. Mereka berpendapat amalan perkongsian dan pembelajaran guru dalam KPP ini bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme guru melalui perkembangan pembelajaran semasa proses pembelajaran di dalam kelas.

KPP telah berjaya mengubah kepercayaan dan amalan guru di sekolah (Angela, 2015). Dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri perubahan guru-guru yang mengamalkan KPP adalah mengamalkan budaya kerjasama dan melaksanakan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang berkesan. Perubahan ini membantu guru untuk mengatasi permasalahan dalam pengajaran dan mendorong motivasi mereka dalam melakukan transformasi pengajaran. Secara keseluruhannya pengkaji membuat rumusan dalam kajian ini pelaksanaan KPP adalah menyokong semua aktiviti yang menjurus kepada penambahbaikan sekolah terutamanya aspek pengajaran guru di bilik darjah.

### **Dimensi-dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional**

#### ***Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (PKKA)***

Komuniti sekolah yang mengamalkan dan melaksanakan pembelajaran secara kreatif dan kolektif iaitu perkongsian maklumat dan perbincangan serta berdialog secara berterusan dalam kalangan warga sekolah (Taylor et al., 2011). Guru-guru dapat menghasilkan penyelesaian terhadap masalah dan mencetuskan idea-idea baharu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran serta dapat mengaplikasikannya semasa di dalam bilik darjah (Lovett & Cameron, 2011; William, 2013).

#### ***Perkongsian Amalan Peribadi (PAPE)***

Dimensi ini lebih memberikan perhatian terhadap proses yang menggalakkan guru-guru berinteraksi, menyediakan maklum balas, berkongsi keputusan dan pengalaman pembelajaran murid (Zuraidah, 2010; Ying Zhao, 2015). Amalan ini memberi peluang kepada guru mempelajari kemahiran dan pengetahuan yang baharu daripada rakan sekerja. Guru sama-sama membimbang, membuat keputusan dan mencari alternatif menyelesaikan masalah. Dimensi ini mempunyai ciri-ciri kritikal yang berasaskan keterbukaan, sikap yang positif, saling menghormati dan mengambil berat serta perasaan ingin berkongsi amalan terbaik untuk membantu rakan mempelajari pengetahuan dan kemahiran yang baharu (Norhayati Ab Wahab, 2009; Zuraidah, 2010; Hord, 2003; Hipp & Huffman, 2003).

#### ***Fokus Terhadap Pembelajaran Murid (FTP)***

Kebiasaannya matlamat warga institusi pendidikan adalah untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran murid. Dalam sistem sekolah terbaik, semua aktiviti memberi tumpuan kepada pembelajaran murid melalui proses KPP (DuFour, 2012). KPP menyediakan rangka kerja untuk membentuk kerjasama guru-guru bagi memberi tumpuan kepada meningkatkan pengajaran dan pembelajaran murid (Rentfro, 2007). Salah satu cara untuk memenuhi matlamat ini adalah guru mesti memberikan tumpuan kepada keperluan akademik murid (Cook & Faulkner, 2010). Pengetua dan guru-guru mesti memberikan tumpuan kepada pembelajaran murid jika mereka mahu meningkatkan pencapaian murid di sekolah mereka (DuFour & Mattos, 2013).

#### ***Budaya Kolaboratif (BUKO)***

Mewujudkan KPP dalam budaya kolaboratif adalah strategi yang paling berkesan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah (DuFour & Mattos, 2013). Walaupun budaya kerjasama adalah penting, pengasingan telah menjadi tradisi profesi perguruan. Secara tradisinya, guru mempunyai autonomi untuk mengajar apa yang mereka mahu, apabila mereka mahu, dan bagaimana mereka mahu di belakang pintu bilik darjah dengan sedikit gangguan daripada pemimpin sekolah dan sedikit sahaja jika ada perkongsian pengetahuan profesional dalam kalangan rakan guru. Selalunya individu guru tidak

boleh mengubah budaya di tempat kerja mereka atau sangat memberikan kesan kepada kualiti pengajaran di sekolah kerana struktur tradisional sekolah memupuk budaya pemencilan (Darling-Hammond & McLaughlin, 1995). Seorang guru hanya boleh mengajar begitu ramai murid. Guru perlu berkongsi pengetahuan mereka dengan satu sama lain dan membina pengetahuan kolektif seluruh kakitangan dalam usaha meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara keseluruhan.

### **Berorientasikan Keputusan (BKEP)**

Guru boleh menghasilkan tahap pencapaian yang tinggi untuk semua murid apabila bekerja sebagai sebahagian daripada KPP dengan memberi tumpuan kepada keputusan murid dan penambahbaikan yang berterusan (Morrissey, 2000). Kerja berpasukan memerlukan guru untuk bertemu secara rasmi dan secara tetap, menumpukan kepada arahan dan menyesuaikan arahan berdasarkan keputusan penilaian (Schmoker, 2006). Data digunakan untuk membuat keputusan pengajaran adalah merupakan satu aspek penting dalam KPP. Evans (2012) mengandaikan bahawa menganalisis data, menyemak kerja murid dan kemudian menggunakan maklumat tersebut untuk membimbing pengajaran menyumbang kepada pencapaian akademik murid.

## **KAEDAH KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan aspek seperti berikut:

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk deskriptif bagi mendapatkan pandangan guru Bahasa Melayu mengenai tahap amalan KPP yang dilaksanakan di sekolah. Seterusnya kaedah tinjauan digunakan bagi mengutip data bagi mendapatkan maklum balas tentang amalan KPP di sekolah.

### **Sampel Kajian**

Pemilihan peserta adalah berbentuk pensampelan bertujuan di mana seramai 450 orang peserta kajian adalah terdiri dalam kalangan guru bahasa Melayu di 42 buah sekolah iaitu sekolah amanah, sekolah transformasi dan sekolah berprestasi tinggi di Selangor.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik yang telah dibina melalui kaedah *Fuzzy Delphi*. Instrumen ini telah digunakan kerana mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan berdasarkan kesepakatan pandangan dua belas pakar dalam bidang KPP dan Bahasa Melayu. Soal selidik ini mengandungi 85 item. Nilai *alpha cronbach* bagi dimensi-dimensi KPP adalah seperti berikut: Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (0.90), Perkongsian Amalan Peribadi (0.91), Fokus Terhadap Pembelajaran Murid (0.90), Budaya Kolaboratif (0.90) dan Berorientasikan Keputusan (0.90). Berdasarkan nilai *alpha cronbach* bagi dimensi-dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional ini, nilai kebolehpercayaan di antara 0.90 dan 0.91 berada pada tahap tinggi. Ini selari dengan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016) menyatakan nilai kebolehpercayaan adalah tinggi apabila nilai indeks kebolehpercayaan berada antara 0.65 hingga 0.95.

### **Analisis data**

Analisis data kajian ini menggunakan perisian “Statistical Package for Social Sciences” (SPSS) versi 23 dan SEM PLS versi 3.0 untuk melihat jika terdapat hubungan signifikan di antara dimensi KPP. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk mengukur tahap amalan KPP guru bahasa Melayu di sekolah. Skala likert lima poin digunakan iaitu 5= Sangat Setuju, 4= Setuju, 3= Agak Setuju, 2= Tidak

Setuju, 1= Sangat Tidak Setuju. Bagi menghuraikan tahap amalan KPP, nilai min telah dikategorikan mengikut skala berikut seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1

*Interpretasi Nilai Min Tahap Komuniti Pembelajaran Profesional*

Nilai	Tahap	Nilai Data
1.00 hingga 2.33	Rendah	1
2.34 hingga 3.66	Sederhana	2
3.67 hingga 5.00	Tinggi	3

Sumber: Zuraidah (2010)

Berdasarkan Jadual 1, interpretasi nilai min ini dapat menentukan tahap KPP guru Bahasa Melayu di Selangor. Nilai min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap rendah dan diberikan nilai 1. Seterusnya nilai min 2.34 hingga 3.66 adalah tahap sederhana dan diberikan nilai 2. Manakala nilai min 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi dan diberikan nilai 3. Nilai min tertinggi menunjukkan tahap dimensi utama dan nilai skor min yang kedua tertinggi menunjukkan tahap dimensi kedua penting dan nilai min terendah pula menunjukkan dimensi yang kurang diamalkan oleh guru Bahasa Melayu. Bagi analisis inferensi menggunakan SEM PLS untuk mengkaji hubungan di antara dimensi komuniti pembelajaran profesional, analisis dapatan dijalankan berdasarkan nilai Beta, nilai t, nilai R2 dan juga nilai f2.

Ujian normaliti dijalankan ke atas kelima-lima dimensi komuniti pembelajaran profesional bagi melihat nilai kepencongan (*skewness*) dan kecerunan (*kurtosis*) setiap dimensi bagi menentukan data bertaburan secara normal atau tidak (Hair et al., 2010; Pallant, 2007). Seterusnya bagi dimensi Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi nilai kepencongan (.031) dan nilai kecerunan (-.364), Perkongsian Amalan Peribadi nilai kepencongan (-.053) dan nilai kecerunan (-.355), Fokus Terhadap Pembelajaran Murid nilai kepencongan (.119) dan nilai kecerunan (-.389), Budaya Kolaboratif nilai kepencongan (-.040) dan nilai kecerunan (-.264), dan akhir sekali dimensi Berorientasikan Keputusan nilai kepencongan (-.008) dan nilai kecerunan (-.194). Kesemua dimensi komuniti pembelajaran profesional ini mempunyai nilai kepencongan dan kecerunan yang kurang daripada + 2, iaitu dalam keadaan bertaburan normal dan memenuhi ketetapan untuk dianalisis (Hair et al., 2010; Tabachnick & Fidell, 2007).

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang digambarkan merujuk kepada lima (5) dimensi KPP. Perincian tahap amalan KPP adalah seperti berikut:

### i) *Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru Bahasa Melayu di Selangor*

Amalan komuniti pembelajaran profesional guru bahasa Melayu di Selangor diukur dengan menggunakan lima dimensi iaitu i) pembelajaran reatif, kolektif dan aplikasi, ii) perkongsian amalan peribadi, iii) fokus terhadap pembelajaran murid, iv) budaya kolaboratif, dan v) berorientasikan keputusan. Analisis tahap amalan KPP guru bahasa Melayu di Selangor diperincikan mengikut dimensi seperti dalam Jadual 2 di bawah.

## Jadual 2

*Nilai Min, Sisihan Piawai dan Tahap Amalan KPP Guru Bahasa Melayu di Selangor*

<b>Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Tahap</b>	<b>Kedudukan</b>
Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi	3.92	.521	3	<b>3</b>
Perkongsian Amalan Peribadi	3.95	.514	3	<b>2</b>
Fokus Terhadap Pembelajaran Murid	3.88	.524	3	<b>5</b>
Budaya Kolaboratif	3.98	.507	3	<b>1</b>
Berorientasikan Keputusan	3.89	.477	3	<b>4</b>
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.92</b>	<b>.509</b>	<b>3</b>	

N= 450, Skor Min:1.00 - 2.33 = Rendah, 2.34 - 3.66 = Sederhana, 3.67 – 5.00 = Tinggi, SP = Sisihan Piawai

Berdasarkan analisis data Jadual 2 di atas menunjukkan nilai min dan sisihan piawai tahap amalan lima dimensi komuniti pembelajaran profesional guru bahasa Melayu di Selangor. Tahap amalan KPP guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi berdasarkan nilai min keseluruhan (nilai min=3.92, SP=.509). Seterusnya tahap amalan kelima-lima dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional adalah seperti berikut: Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi, nilai min 3.92 (SP=.521), Perkongsian Amalan Peribadi, nilai min 3.95 (SP=.514), Fokus Terhadap Pembelajaran Murid, nilai min 3.88 (SP=.524), Budaya Kolaboratif, nilai min 3.98 (SP=.507) dan Berorientasikan Keputusan, nilai min 3.89 (SP=.477). Seterusnya dapatkan kajian juga menunjukkan kedudukan dimensi mengikut tahap tertinggi adalah seperti berikut: i) Budaya Kolaboratif (M=3.98, SP=.507) ii) Perkongsian Amalan Peribadi (M=3.95, SP=.514), iii) Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (M=3.92, SP=.521), iv) Berorientasikan Keputusan (M=3.89, SP=.477) dan v) Fokus Terhadap Pembelajaran Murid (M=3.88, SP=.524). Kelima-lima dimensi KPP ini diamalkan oleh guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Amanah, Sekolah Transformasi dan Sekolah Berprestasi Tinggi di Selangor.

Selain daripada itu, dapatkan kajian ini juga telah mengenal pasti tahap KPP bagi tiga jenis sekolah di Selangor. Dapatkan ini menunjukkan tahap amalan KPP di semua sekolah amanah, sekolah transformasi dan sekolah berprestasi tinggi di Selangor berada pada tahap yang tinggi. Ini dapat dibuktikan dengan Jadual 3, Jadual 4 dan Jadual 5 yang menunjukkan taburan nilai min tahap KPP terhadap tiga jenis sekolah.

## Jadual 3

*Nilai Min, Sisihan Piawai dan Tahap Amalan Dimensi KPP Guru Bahasa Melayu Sekolah Amanah di Selangor*

<b>Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Tahap</b>	<b>Kedudukan</b>
Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi	3.95	.505	3	<b>3</b>
Perkongsian Amalan Peribadi	3.98	.507	3	<b>1</b>
Fokus Terhadap Pembelajaran Murid	3.93	.511	3	<b>5</b>
Budaya Kolaboratif	3.98	.497	3	<b>1</b>
Berorientasikan Keputusan	3.95	.464	3	<b>3</b>
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.96</b>	<b>.497</b>	<b>3</b>	

N= 96, Skor Min:1.00 - 2.33 = Rendah, 2.34 - 3.66 = Sederhana, 3.67 – 5.00 = Tinggi, SP = Sisihan Piawai

Jadual 3 telah menunjukkan tahap KPP di sekolah amanah berada pada tahap tinggi iaitu nilai min adalah 3.96 (SP=.497). Nilai min ini merupakan nilai min yang tertinggi sekali berbanding dengan dua jenis sekolah yang dikaji. Kajian ini juga mendapat kelima-lima dimensi KPP berada pada tahap tinggi iaitu

pembelajaran kreatif, kolektif dan aplikasi (nilai min = 3.95), perkongsian amalan peribadi (nilai min = 3.98), fokus terhadap pembelajaran murid (nilai min = 3.93), budaya kolaboratif (3.98), dan berorientasikan keputusan (nilai min = 3.95).

Kajian juga menunjukkan kedudukan dimensi-dimensi KPP mengikut tahap yang dilaksanakan oleh guru bahasa Melayu di sekolah amanah iaitu tempat pertama terdapat dua dimensi yang mempunyai nilai min yang sama adalah dimensi budaya kolaboratif dan perkongsian amalan peribadi (nilai min=3.98), terdapat dua dimensi yang berkongsi kedudukan di tempat kedua iaitu dimensi pembelajaran kreatif, kolektif dan aplikasi dan berorientasikan keputusan (nilai min=3.95) dan terakhir dimensi fokus terhadap pembelajaran murid (nilai min=3.93). Berdasarkan analisis di atas, ternyata gambaran amalan KPP di sekolah amanah menunjukkan persamaan dengan hasil dapatan keseluruhan tahap KPP guru Bahasa Melayu di Selangor. Seterusnya gambaran tahap amalan KPP guru bahasa Melayu sekolah transformasi ditunjukkan pada Jadual 4 di bawah.

Jadual 4

*Tahap Amalan Dimensi KPP Sekolah Transformasi di Selangor*

<b>Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Tahap</b>	<b>Kedudukan</b>
Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi	3.92	.574	3	<b>3</b>
Perkongsian Amalan Peribadi	4.00	.538	3	<b>2</b>
Fokus Terhadap Pembelajaran Murid	3.87	.569	3	<b>5</b>
Budaya Kolaboratif	4.02	.523	3	<b>1</b>
Berorientasikan Keputusan	3.91	.497	3	<b>4</b>
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.94</b>	<b>.540</b>	<b>3</b>	

N= 174, Skor Min:1.00 - 2.33 = Rendah, 2.34 - 3.66 = Sederhana, 3.67 – 5.00 = Tinggi, SP = Sisihan Piawai

Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan secara keseluruhan tahap KPP sekolah transformasi berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai min 3.94 (SP=.540) dan sekolah ini juga merupakan sekolah kedua yang mempunyai nilai min 3.94 (SP=.540). Kesemua lima dimensi KPP yang diamalkan oleh sekolah ini berada pada tahap tinggi iaitu pembelajaran kreatif, kolektif dan aplikasi (nilai min=3.92; SP=.574), perkongsian amalan peribadi (nilai min = 4.00; SP=.538), fokus terhadap pembelajaran murid (nilai min=3.87; SP=.569), budaya kolaboratif (nilai min=4.02; SP=.523), dan berorientasikan keputusan (nilai min=3.91; SP=.497).

Hasil dapatan kajian ini juga menggambarkan kedudukan dimensi-dimensi KPP mengikut tahap tertinggi iaitu budaya kolaboratif (nilai min=4.02), perkongsian amalan peribadi (nilai min=4.00), pembelajaran kreatif, kolektif dan aplikasi (nilai min=3.92), berorientasikan keputusan (nilai min=3.91) dan akhir sekali fokus terhadap pembelajaran murid (nilai min=3.87). Keseluruhan dapatan menggambarkan guru bahasa Melayu sekolah transformasi mempunyai hubungan kerjasama yang erat, sentiasa berkongsi amalan terbaik pengajaran, dan mengamalkan pembelajaran kreatif serta kolektif dalam melaksanakan kerja buat mereka di sekolah. Seterusnya Jadual 5 menunjukkan gambaran tahap amalan dimensi KPP di sekolah berprestasi tinggi di Selangor.

Jadual 5

*Nilai Min, Sisihan Piawai dan Tahap Amalan Dimensi KPP Sekolah Berprestasi Tinggi di Selangor*

<b>Dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>	<b>Tahap</b>	<b>Kedudukan</b>
Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi	3.91	.475	3	2
Perkongsian Amalan Peribadi	3.89	.491	3	3
Fokus Terhadap Pembelajaran Murid	3.86	.484	3	4
Budaya Kolaboratif	3.94	.496	3	1
Berorientasikan Keputusan	3.84	.460	3	5
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.89</b>	<b>.481</b>	<b>3</b>	

N= 180, Skor Min:1.00 - 2.33 = Rendah, 2.34 - 3.66 = Sederhana, 3.67 – 5.00 = Tinggi, SP = Sisihan Piawai


Berdasarkan Jadual 5 dapatkan juga menunjukkan tahap nilai min amalan KPP di sekolah berprestasi tinggi di Selangor berada pada tahap tinggi. Semua kelima-lima dimensi yang diamalkan menunjukkan tahap yang tinggi iaitu pembelajaran kreatif, kolektif dan aplikasi (nilai min=3.91; SP=.475), perkongsian amalan peribadi (nilai min= 3.89; SP=.491), fokus terhadap pembelajaran murid (nilai min=3.86; SP=.484), budaya kolaboratif (nilai min=3.94; SP=.496) dan berorientasikan keputusan (nilai min=3.84; SP=.460).

Hasil dapatan kajian ini juga menggambarkan kedudukan dimensi-dimensi KPP mengikut tahap tertinggi bagi sekolah berprestasi tinggi iaitu budaya kolaboratif (nilai min=3.94), pembelajaran kreatif, kolektif dan aplikasi (nilai min=3.91), seterusnya perkongsian amalan peribadi (nilai min=3.89), fokus terhadap pembelajaran murid (nilai min=3.86), dan akhir sekali berorientasikan keputusan (nilai min=3.84).

Secara keseluruhannya dapatan menggambarkan sekolah amanah, sekolah transformasi dan sekolah berprestasi tinggi di Selangor menunjukkan guru-guru memberikan perhatian terhadap budaya kolaboratif dalam menjayakan amalan KPP di Selangor. Kekuatan dan pengaruh amalan dimensi KPP ini memastikan guru-guru sentiasa bersatu dan saling bekerjasama dalam menjayakan program-program di sekolah. Tiada terdapat perbezaan yang ketara antara nilai min bagi kesemua dimensi-dimensi KPP menunjukkan sekolah-sekolah ini mengamalkan kelima-lima dimensi KPP bagi penambahbaikan sekolah bagi meningkatkan pengajaran guru dan pembelajaran murid.

#### ***Hubungan antara Dimensi KPP***

Untuk tujuan ujian hipotesis, nilai R2 dan Beta ( $\beta$ ) dinilai. Nilai kekuatan hubungan antara pembinaan dibentangkan dengan nilai Beta ( $\beta$ ) manakala nilai sumbangan semua pemboleh ubah dilihat melalui nilai R square (R2). Nilai beta ( $\beta$ ) yang menjelaskan nilai koefisien jalan (antara +1 hingga -1) digunakan untuk menganalisis kekuatan hubungan hipotesis. Nilai kekuatan hubungan yang hampir kepada +1 mewakili hubungan positif yang kuat manakala nilai yang dekat 0 mewakili hubungan yang lemah.



Rajah 1. Hubungan dimensi-dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional

Berdasarkan analisis dapatan dalam Jadual 6, dapat dilihat bahawa hubungan yang paling signifikan adalah Budaya Kolaboratif -> Fokus Terhadap Pembelajaran Murid dengan ( $\beta = 0.698$ ,  $t = 19.075$ ,  $p = 0.000$ ). diikuti dengan Fokus Terhadap Pembelajaran Murid -> Berorientasikan Keputusan ( $\beta = 0.621$ ,  $t = 11.907$ ,  $p = 0.000$ ), Pembelajaran Kreatif Kolektif dan Aplikasi-> Perkongsian Amalan Peribadi ( $\beta = 0.557$ ,  $t = 6.508$ ,  $p = 0.000$ ), Budaya Kolaboratif-> Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi ( $\beta = 0.462$ ,  $t = , p = 0.000$ ) Budaya Kolaboratif-> Perkongsian Amalan Peribadi ( $\beta = 0.413$ ,  $t = 4.684$ ,  $p = 0.000$ ), Fokus Terhadap Pembelajaran Murid-> Perkongsian Amalan Peribadi ( $\beta = -0.372$ ,  $t = 5.756$ ,  $p = 0.000$ ), Berorientasikan Keputusan-> Perkongsian Amalan Peribadi ( $\beta = , t = 5.724$ ,  $p = 0.000$ ), dan Berorientasikan Keputusan-> Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi ( $\beta = -0.161$ ,  $t = 4.187$ ,  $p = 0.000$ ). Semua hubungan antara pemboleh ubah adalah signifikan positif, bagaimanapun, hubungan antara Berorientasikan Keputusan-> Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi dan Fokus Terhadap Pembelajaran Murid-> Perkongsian Amalan Peribadi signifikan negatif.

Nilai R<sup>2</sup> memberikan kita kesan gabungan pemboleh ubah bebas (*independent variable*) ke atas pemboleh ubah bergantung (*dependent variable*). Rangkaian nilai R<sup>2</sup> (0 hingga 1) dan nilai berhampiran dengan 1 menunjukkan ketepatan ramalan yang tinggi. Menurut Chin (1998), nilai R<sup>2</sup> = 0.67 adalah kuat, 0.33 adalah sederhana, 0.19 lemah. Berdasarkan analisis dapatan kajian, nilai R<sup>2</sup> Fokus Terhadap Pembelajaran Murid (v pemboleh ubah bergantung) untuk kajian ini adalah 0.488. Ini dapat ditafsirkan bahawa kesan Budaya Kolaboratif menyebabkan 48.80% kesan sederhana pada Fokus Terhadap Pembelajaran Murid. Nilai R<sup>2</sup> Berorientasikan Keputusan (pemboleh ubah bergantung) dalam kajian ini adalah 0.591. In dapat ditafsirkan bahawa kesan gabungan semua pemboleh ubah bebas (Budaya Kolaboratif dan Fokus Terhadap Pembelajaran Murid) boleh menyebabkan 59.1% kesan sederhana pada Berorientasikan Keputusan (pemboleh ubah bergantung). Nilai R<sup>2</sup> Perkongsian Amalan Peribadi (pemboleh ubah bergantung) dalam kajian ini ialah 0.782. In dapat ditafsirkan bahawa kesan gabungan semua pemboleh ubah bebas (Budaya Kolaboratif, Fokus Terhadap Pembelajaran Murid, Berorientasikan Keputusan, Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi) boleh menyebabkan 78.2% kesan kuat pada Perkongsian Amalan Peribadi (pemboleh ubah bergantung). Sedangkan nilai R<sup>2</sup> Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (variabel bergantung) dalam kajian ini adalah 0.849. Ini dapat ditafsirkan bahawa kesan gabungan semua pemboleh ubah bebas (Budaya Kolaboratif, Fokus

Terhadap Pembelajaran Murid dan Berorientasikan Keputusan) boleh menyebabkan 84.9% kesan kuat terhadap Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (pemboleh ubah bergantung).

Jadual 6

*Nilai Standard Beta, Sisihan Piawai, Nilai T, Nilai p, R2, f2 Dimensi-dimensi KPP*

Hubungan	Std. Beta ( $\beta$ )	SP	Nilai T	Nilai p	R2	f2	Keputusan
H1 BKEP -> PAPE	0.352	0.062	5.724	0.000		0.217	Diterima
H2 BKEP -> PKKA	-0.161	0.038	4.187	0.000		0.070	Diterima
H3 BUKO -> BKEP	0.194	0.056	3.485	0.001	0.591	0.047	Diterima
H4 BUKO -> FTPM	0.698	0.037	19.075	0.000	0.488	0.952	Diterima
H5 BUKO -> PAPE	0.413	0.088	4.684	0.000	0.782	0.226	Diterima
H6 BUKO -> PKKA	0.462	0.066	7.025	0.000	0.849	0.690	Diterima
H7 FTPM -> BKEP	0.621	0.052	11.907	0.000		0.483	Diterima
H8 FTPM -> PAPE	-0.372	0.065	5.756	0.000		0.109	Diterima
H9 FTPM -> PKKA	0.661	0.061	10.856	0.000		0.999	Diterima
H10 PKKA -> PAPE	0.557	0.086	6.508	0.000		0.214	Diterima

Nilai P: \*signifikan pada  $< 0.05$ ; \*\*signifikan pada  $p < 0.01$ ; \*\*\*signifikan pada  $p < 0.001$

Petunjuk: BKEP = Berorientasikan Keputusan, PAPE = Perkongsian Amalan Peribadi, PKKA = Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi, BUKO = Budaya Kolaboratif, FTPM = Fokus Terhadap Pembelajaran Murid

Di samping itu, nilai p menentukan jika wujudnya kesan pemboleh ubah, tetapi ia tidak dapat menentukan saiz kesan sesuatu pemboleh ubah. Oleh itu, satu lagi aspek yang perlu dilihat adalah kesan saiz (f2). Kesan saiz boleh diukur berdasarkan 3 nilai iaitu 0.02 = kesan kecil, 0.15 = kesan sederhana dan 0.35 = kesan besar (Chin, 1998; Cohen, 1988). Berdasarkan analisis dapatan, saiz kesan BUKO-FTPM (0.952), BUKO-PKKA (0.690), FTPM-BKEP (0.483) dan FTPM-PKKA (0.999) adalah besar ( $> 0.35$ ). Saiz kesan BEKP-PAPE (0.217), BUKO-PAPE (0.226) dan PKKA-PAPE (0.214) adalah sederhana ( $> 0.15$ ). Sebaliknya, BKEP-PKKA (0.070), BUKO-BKEP (0.047) dan FTPM-PAPE (0.109) mempunyai saiz kesan yang kecil.

Berdasarkan analisis nilai Beta, nilai R2 serta kesan f2, kesimpulannya semua hipotesis (H1 hingga H10) menunjukkan semua hubungan antara dimensi-dimensi KPP adalah signifikan dan kesemua hipotesis diterima.

## PERBINCANGAN


### *Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru Bahasa Melayu Sekolah Amanah, Sekolah Transformasi dan Sekolah Berprestasi Tinggi di Selangor*

Perbincangan ini adalah untuk menjawab soalan kajian yang pertama iaitu apakah tahap amalan komuniti pembelajaran profesional guru bahasa Melayu sekolah amanah, sekolah transformasi dan sekolah berprestasi tinggi di Selangor? Bagi mengenal pasti tahap amalan KPP ini, lima dimensi telah dinilai oleh pengkaji iaitu Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (PKKA), Perkongsian Amalan Peribadi (PAPE), Fokus Kepada Pembelajaran Murid (FTPM), Budaya Kolaboratif (BUKO) dan Berorientasikan Keputusan (BKEP). Dapatkan kajian pengkaji pada keseluruhannya menunjukkan tahap amalan KPP guru bahasa Melayu di Selangor berada pada tahap yang tinggi berdasarkan nilai min keseluruhan (Min=3.92, SP=.509) berdasarkan persepsi guru bahasa Melayu. Tahap amalan KPP

berdasarkan kelima-lima dimensi juga menunjukkan pada tahap yang tinggi. Dimensi budaya kolaboratif ( $\text{Min}=3.98$ ;  $\text{SP}=.507$ ) merupakan nilai min yang lebih tinggi daripada nilai min keseluruhan ( $\text{Min}=3.92$ ;  $\text{SP}=.509$ ), seterusnya dimensi perkongsian amalan peribadi ( $\text{Min}=3.95$ ;  $\text{SP}=.514$ ) juga nilai min melebihi nilai min keseluruhan, manakala dimensi pembelajaran kreatif, kolektif dan aplikasi pula mempunyai nilai yang sama dengan nilai min keseluruhan iaitu ( $\text{Min}=3.92$ ;  $\text{SP}=.521$ ). Dimensi fokus terhadap pembelajaran murid dan dimensi berorientasikan keputusan masing-masing mempunyai nilai min yang lebih rendah dari nilai min keseluruhan iaitu ( $M=3.88$ ;  $\text{SP}=.524$ ) bagi dimensi fokus terhadap pembelajaran murid dan ( $M=3.89$ ;  $\text{SP}=.477$ ) bagi dimensi berorientasikan keputusan. Berdasarkan graf radar 1 di bawah menunjukkan tahap amalan komuniti pembelajaran profesional bagi guru bahasa Melayu sekolah amanah, sekolah transformasi dan sekolah berprestasi tinggi di Selangor.

Graf Radar 1

*Tahap Amalan Dimensi KPP Guru Bahasa Melayu Sekolah Amanah, Sekolah Transformasi dan Sekolah Berprestasi Tinggi*



Merujuk kepada Graf Radar 1, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara dimensi KPP yang diamalkan berdasarkan jenis sekolah. Bagi tahap amalan guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Berprestasi Tinggi nilai min bagi semua dimensi KPP lebih rendah berbanding dengan jumlah min keseluruhan daripada guru Bahasa Melayu di Selangor. Manakala bagi guru bahasa Melayu di Sekolah Transformasi pula nilai min keseluruhannya adalah kedua tertinggi dari jumlah min keseluruhan daripada guru Bahasa Melayu di Selangor. Namun bagi guru Bahasa Melayu di Sekolah Amanah pula nilai keseluruhan min berada pada tahap tertinggi daripada ketiga-tiga jenis sekolah ini. Perbezaan tahap amalan KPP ini mungkin disebabkan Sekolah Amanah dan Sekolah Transformasi merupakan perintis bagi sekolah di bawah KPM dalam usaha menyebarluaskan amalan komuniti pembelajaran profesional di Malaysia. Ini selari dengan pendedahan latihan kepada guru dalam perkhidmatan oleh Bahagian Pendidikan Guru mengenai komuniti pembelajaran profesional (KPM, 2010).

Bagi dimensi KPP yang menjadi keutamaan di Sekolah Berprestasi Tinggi adalah Budaya Kolaboratif ( $\text{Min}=3.94$ ), diikuti Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi ( $\text{Min}=3.91$ ), Perkongsian Amalan Peribadi ( $\text{Min}=3.89$ ), Fokus Terhadap Pembelajaran Murid ( $\text{Min}=3.86$ ) dan Berorientasikan Keputusan ( $\text{Min}=3.84$ ). Manakala bagi tahap amalan guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Transformasi juga menunjukkan dimensi Budaya Kolaboratif berada pada nilai Min yang tertinggi iaitu 4.02.

Manakala bagi dimensi kedua yang mendapat nilai min tertinggi berbeza dengan sekolah SBT adalah dimensi Perkongsian Amalan Peribadi ( $\text{Min}=4.00$ ), seterusnya dimensi Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi ( $\text{Min}=3.91$ ), Berorientasikan Keputusan ( $\text{Min}=3.81$ ) dan terakhir Fokus Terhadap Pembelajaran Murid ( $\text{Min}=3.87$ ). Manakala perbezaan ketara jelas menunjukkan tahap amalan guru Bahasa Melayu di Sekolah Amanah, terdapat dua dimensi yang menjadi keutamaan iaitu dimensi Perkongsian Amalan Peribadi dan Budaya Kolaboratif ( $\text{Min}=3.98$ ), seterusnya dimensi Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi dan Berorientasikan Keputusan juga mempunyai min yang sama ( $\text{Min}=3.95$ ) dan akhir sekali dimensi Fokus Terhadap Pembelajaran Murid ( $\text{Min}=3.93$ ). Walau bagaimanapun amalan dimensi Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi dan Fokus Terhadap Pembelajaran Murid hampir sama bagi semua jenis sekolah kecuali Sekolah Amanah yang menunjukkan perbezaan yang agak ketara. Keseluruhan tahap amalan bagi ketiga-tiga jenis sekolah ini menunjukkan kesemua dimensi KPP berada pada tahap yang tinggi cuma berbeza daptan daripada segi kedudukan keutamaan dimensi KPP sahaja.

Berdasarkan daptan kajian di ketiga-tiga jenis sekolah ini, kedudukan dimensi budaya kolaboratif adalah pemangkin kepada amalan komuniti pembelajaran profesional guru Bahasa Melayu. Ini selari dengan daptan kajian Dufour & Mattos (2013) menyatakan bahawa budaya kolaboratif adalah strategi paling berkesan untuk meningkatkan pengajaran di sekolah. Manakala bagi dimensi kedua tertinggi yang diamalkan adalah dimensi perkongsian amalan peribadi. Bagi guru di Sekolah Amanah dan Sekolah Transformasi menjadikan dimensi ini sebagai amalan mereka di sekolah berbeza dengan guru Bahasa Melayu di Sekolah Berprestasi Tinggi yang menjadikan dimensi Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi sebagai dimensi kedua tertinggi. Guru-guru Bahasa Melayu di dua jenis sekolah ini Sekolah Amanah dan Sekolah Transformasi sentiasa berkongsi amalan pengajaran dan mempelajari kemahiran baharu bersama rakan guru. Daptan ini selari dengan kajian Zuraidah (2010) di mana dimensi ini memberikan perhatian pada proses semasa guru berinteraksi dan menyatakan maklum balas tentang pengajaran dan pembelajaran murid dan membantu rakan mempelajari pengetahuan baharu (Norhayati, 2009; Hord, 2003 dan Hipp& Huffman, 2003).

Bagi dimensi ketiga tertinggi yang menjadi amalan guru Bahasa Melayu adalah Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi di mana guru Bahasa Melayu di Sekolah Amanah dan Sekolah Transformasi mempunyai persamaan tahap amalan mereka. Daptan kajian ini selari dengan kajian Taylor et al., (2011) menyatakan guru sentiasa berbincang dan berkongsi maklumat secara berterusan dan guru-guru dapat menghasilkan penyelesaian terhadap masalah pengajaran dan dapat melahirkan idea-idea baharu (Lovett & Cameron, 2011). Seterusnya dimensi keempat tertinggi terdapat perbezaan antara ketiga-tiga jenis sekolah ini. Bagi guru Bahasa Melayu di Sekolah Amanah dan Sekolah Transformasi memilih amalan dimensi Berorientasikan Keputusan dibandingkan dengan Sekolah Berprestasi Tinggi yang memilih amalan dimensi Fokus Terhadap Pembelajaran Murid. Persamaan antara kedua-dua jenis sekolah ini menggambarkan guru Bahasa Melayu mengamalkan tumpuan kepada keputusan pencapaian murid. Daptan ini seiring dengan kajian Morrisey (2000), guru dapat menghasilkan pencapaian tertinggi murid apabila berpandukan keputusan murid dan menganalisis data murid menyumbang kepada pencapaian prestasi akademik murid (Evans, 2012).

Akhir sekali dimensi terendah nilai min bagi tahap amalan guru-guru Bahasa Melayu adalah Fokus Terhadap Pembelajaran Murid. Jelas persamaan antara guru Bahasa Melayu di Sekolah Amanah dan Sekolah Transformasi menjadikan dimensi ini sebagai dimensi terendah dalam tahap amalan mereka. Walaupun amalan ini yang terakhir tetapi nilai min keseluruhan dimensi ini masih tinggi. Amalan dimensi ini diamalkan bagi menjadikan pembelajaran murid sebagai perkara penting untuk dilaksanakan. Sasaran setiap sekolah adalah memastikan pembelajaran murid meningkat. Kepentingan daptan kajian amalan dimensi ini selari dengan kajian Dufour & Mattos (2013) menyatakan pengetua dan guru-guru perlu memberikan tumpuan kepada pembelajaran murid bagi memastikan pencapaian

murid dapat ditingkatkan dan guru mesti memberikan tumpuan kepada keperluan akademik murid (Cook & Faulkner, 2010).

Dapatkan ini dikukuhkan lagi dengan kajian Sujirah Ibrahim dan Zuraidah Abdullah (2013), di mana tahap KPP kesemuanya berada pada tahap tinggi. Namun terdapat sedikit perbezaan daripada kajian tersebut dari segi turutan kedudukan dimensi yang dilaksanakan. Dapatkan kajian ini menunjukkan budaya kolaboratif merupakan dimensi yang paling tinggi diamalkan oleh guru bahasa Melayu sekolah amanah, sekolah transformasi dan sekolah berprestasi tinggi di Selangor.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Zuraidah Abdullah dan Rahimah Ahmad (2009) juga selari dengan kajian ini yang menunjukkan amalan KPP berada pada tahap min yang paling tinggi berdasarkan kekuatan amalan KPP melalui hubungan kolaboratif dalam kalangan ahli komuniti pembelajaran. Begitu juga dengan dapatan kajian Zuraidah Abdullah (2009) mendapati barisan pentadbir telah mengamalkan amalan pembelajaran secara kolektif dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dalam melaksanakan program penambahbaikan sekolah seiring dengan dapatan kajian ini.

Malah kajian Muhammad Faizal, Saedah Siraj, Zuraidah Abdullah (2011) telah menunjukkan bahawa kejayaan utama melaksanakan amalan KPP ini adalah melalui sebaran kuasa kepimpinan dalam kalangan warga sekolah. Pengetua mengetuai pasukan yang bekerja secara kolaboratif dan mewujudkan budaya yang kondusif di sekolah. Noor Hidayah (2014) dalam hasil kajiannya juga menunjukkan amalan KPP di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah adalah pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan perkongsian kepimpinan dan kepimpinan menyokong dan amalan perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi bagi kedua-dua jenis sekolah tersebut.

Ini jelas menggambarkan amalan KPP untuk pemimpin sekolah perlu dilaksanakan bersama-sama guru agar perubahan yang dilaksanakan menjurus kepada peningkatan pembelajaran murid (Mohd Faiz, Mohd Ruzaimi & Jamal@Nordin Yunus., 2016), menambah baik pencapaian sekolah dalam membentuk budaya pembelajaran guru.

### ***Hubungan antara Dimensi KPP***

Perbincangan ini bagi menjawab soalan kajian yang kedua iaitu adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi-dimensi KPP. Bagi tujuan tersebut, lima dimensi telah dinilai iaitu Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (PKKA), Perkongsian Amalan Peribadi (PAPE), Fokus Terhadap Pembelajaran Murid (FTP), Budaya Kolaboratif (BUKO) dan Berorientasikan Keputusan (BKEP). Hasil analisis data kajian menunjukkan keseluruhan hubungan antara dimensi-dimensi KPP adalah signifikan. Hubungan antara Fokus Terhadap Pembelajaran Murid-> Berorientasikan Keputusan adalah paling signifikan diikuti hubungan antara Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi-> Perkongsian Amalan Peribadi, Budaya Kolaboratif-> Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi dan Budaya Kolaboratif-> Perkongsian Amalan Peribadi. Walau bagaimanapun hubungan antara dimensi yang lebih rendah nilai hubungannya adalah Fokus Terhadap Pembelajaran Murid-> Perkongsian Amalan Peribadi, Berorientasikan Keputusan-> Perkongsian Amalan Peribadi dan Berorientasikan Keputusan-> Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi.

Berdasarkan analisis penilaian R2, dapat ditafsirkan bahawa kesan gabungan semua boleh ubah bebas (Budaya Kolaboratif dan Fokus Terhadap Pembelajaran Murid) boleh menyebabkan 59.1% kesan sederhana pada Berorientasikan Keputusan. Manakala, kesan gabungan semua boleh ubah bebas (Budaya Kolaboratif, Fokus Terhadap Pembelajaran Murid, Berorientasikan Keputusan, Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi) boleh menyebabkan 78.2% kesan kuat pada Perkongsian Amalan Peribadi. Kesan gabungan semua boleh ubah bebas (Budaya Kolaboratif, Fokus Terhadap

Pembelajaran Murid dan Berorientasikan Keputusan) boleh menyebabkan 84.9% kesan kuat terhadap Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (pemboleh ubah bergantung). Jelas menunjukkan dapatan kajian ini seiring dengan dapatan (Hord, 1997; Dufour, 2004; Dufour & Marzano, 2011) yang menggambarkan tiga idea utama dalam membentuk amalan KPP iaitu guru-guru secara kolektif bertanggungjawab terhadap pembelajaran murid, guru-guru terlibat secara aktif dan berkolaboratif serta guru-guru mempunyai matlamat yang jelas terhadap pembelajaran murid.

Seperti yang dijelaskan, kesan hubungan boleh dinilai dengan saiz kesan ( $f^2$ ). Berdasarkan dapatan kesan saiz Budaya Kolaboratif-Fokus Terhadap Pembelajaran Murid (0.952), Budaya Kolaboratif-Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (0.690), Fokus Terhadap Pembelajaran Murid-Berorientasikan Keputusan (0.483) dan Fokus Terhadap Pembelajaran Murid-Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (0.999) mempunyai saiz kesan hubungan antara pemboleh ubah adalah besar. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Buffum dan Hinman (2006) menyatakan bahawa fungsi KPP sebagai pemangkin kerjasama ke arah peningkatan pengajaran dan berkongsi pengajaran serta amalan terbaik. Di samping itu, guru bekerja bersama-sama dalam usaha membantu pembelajaran murid pada peringkat yang lebih tinggi (Burant, 2009; Barth, 2005) dan pengaruh komuniti profesional yang kuat menggalakkan usaha kolektif antara guru (Senge, 1999, 2000; Senge, Lucas, et al., 2000).

Seterusnya saiz kesan Berorientasikan Keputusan-Perkongsian Amalan Peribadi (0.217), Budaya Kolaboratif-Perkongsian Amalan Peribadi (0.226) dan Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi-Perkongsian Amalan Peribadi (0.214) saiz kesan hubungan antara pemboleh ubah adalah sederhana ( $>0.15$ ). Dapatan ini menunjukkan dimensi perkongsian amalan peribadi dilaksanakan untuk menggalakkan guru-guru berkomunikasi, menyediakan maklum balas pengajaran, berkongsi keputusan dan pengalaman pembelajaran murid (Zuraidah, 2010). Melalui amalan ini juga hubungan kolaboratif diterapkan dengan berkongsi amalan baharu pengajaran serta menganalisis kerja murid agar guru-guru dapat meningkatkan kemahiran mengajar dan mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi (No Hayati, 2013; Hord, 2003).

Sebaliknya, Dimensi Berorientasikan Keputusan-Pembelajaran Kreatif, Kolektif dan Aplikasi (0.070), Budaya Kolaboratif-Berorientasikan Keputusan (0.047) dan Fokus Terhadap Pembelajaran Murid-Perkongsian Amalan Peribadi (0.109) saiz kesan hubungan antara pemboleh ubah adalah kecil. Berdasarkan dapatan ini dimensi pembelajaran secara kreatif dan kolektif ini bukan sahaja menggambarkan hubungan kolaboratif antara guru Bahasa Melayu tetapi berfokus kepada peningkatan pengajaran berkesan dan prestasi pencapaian murid (Dufour, 2010; Nor Hidayah, 2014; Dima Mazlina, 2016). Walaupun hubungan berorientasikan keputusan dengan dimensi ini kecil tetapi ini adalah untuk menjadikan matlamat pengajaran guru tercapai melalui pencapaian murid (Dufour, 2008). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Vescio, Ross dan Adams (2008) menyatakan KPP membawa perubahan budaya pengajaran guru, kerjasama bertambah baik dan guru memberikan tumpuan kepada pembelajaran murid menyebabkan perubahan dalam sistem sekolah dan KPP juga dapat memberikan kesan peningkatan dalam sekolah (Fullan, 2006).

Kajian ini juga telah menunjukkan semua dimensi KPP yang diamalkan oleh guru-guru Bahasa Melayu di negeri Selangor saling melengkapi dan berhubungan antara satu sama lain semasa pelaksanaan KPP di sekolah (Dufour, 2010; Hord, 1997) dan komuniti profesional boleh menjadi alat untuk memperkuat hubungan antara kepimpinan dan pengajaran di sekolah dan dapat mempengaruhi amalan pengajaran mereka (Halverson, 2007).

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah memaparkan tahap amalan lima dimensi KPP guru bahasa Melayu di Selangor. Pengkaji juga membincangkan ringkasan dapatan dan membuat

perbandingan dengan kajian-kajian lepas. Secara umumnya amalan tahap KPP dan pengajaran guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi tetapi perlukan penambahbaikan lagi agar pelaksanaan KPP dapat dipertingkatkan. Penerapan amalan KPP memerlukan komitmen semua pihak agar matlamat sekolah tercapai. Kajian ini dapat mengesahkan kesesuaian instrumen kajian sebagai alat pengukuran untuk mengetahui tahap amalan KPP guru bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi memartabatkan profesion keguruan dan memantapkan lagi pembangunan profesionalisme guru di sekolah. Selain daripada itu, dapatan ini juga dapat memberikan maklumat kepada pihak yang terlibat tentang latihan pembangunan profesional guru dan menjadi garis panduan pelaksanaan KPP di sekolah agar kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan seterusnya prestasi pembelajaran murid meningkat.

## RUJUKAN

- Angela Choi Fung Tam (2015). The role of a professional learning community in teacher change: A perspective from beliefs and practices. *Teachers and Teaching: Theory and Practice Journal* 21(1):22-43.
- Anuar Ahmad & Nelson Jinggan (2015). *Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. 3(2), 1-11
- Anuar Ahmad, Siti Haishah & Nur Atiqah (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 53-66.
- Aziah Ismail, Abdul Ghani Kanesan Abdullah, & Abdullah Saad (2008). Amalan kepimpinan transformasional dan kapasiti kepimpinan di dua buah sekolah kluster di Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-15. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Aziah Ismail, Loh Hooi Yen, & Abdul Ghani Kanesan Abdullah (2015). Komuniti pembelajaran profesional dan efikasi kendiri guru sekolah menengah di Pulau Pinang. *Jurnal Kepemimpinan*, 2(1), 32-46.
- Bahagian Pendidikan Guru (2010). Modul Komuniti Pembangunan Profesional. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru (2013). Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan Guru dan Pemimpin Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Darling-Hammond, L., & McLaughlin, M. (2011). Policies that support professional development in an era of reform. *Phi Delta Kappan*, 92(6), 81-92.
- DuFour, R. (2010). What is a professional learning community? *Educational Leadership*, 61(8), 6-11.
- DuFour, R., & Mattos, M. (2013). How do principals really improve schools? *Educational Leadership*, 70(7), 34-40.
- Dufour, R., Dufour, R., & Many T. (2010). Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work (2nd ed.). Bloomington, IN: Solution Tree Press.

- Evans, L. (2011). The 'shape' of teacher professionalism in england: Professional standards, performance management, professional development and the changes proposed in the 2010 White Paper. *British Educational Research Journal*. 37(5), 851-857.
- Fullan, M. (2010). All systems go: The change imperative for whole system reform. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Halverson, R. (2007). How leaders use artifacts to structure professional community in schools. In L. Hipp, K.K., & Huffman, J.B. (2010). *Demystifying the concept of professional learning communities: School leadership at its best*. Rowman and Littlefield Education.
- Hipp, K.K., & Huffman, J.B. (2010). *Demystifying the concept of professional learning communities: School leadership at its best*. Rowman and Littlefield Education.
- Hord, S. M. (1997). Professional learning communities: Communities of continuous inquiry and improvement. Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory.
- Hord, S. M. (2004). Professional learning communities: An overview. In learning together leading together changing schools through professional learning communities. New York: Teachers College Press and Alexandria, VA: ASCD.
- Hord, S.M. (2009). Professional learning communities. *Journal of Staff Development*, 30(1), 40-43.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kruse, S.D., Louis, K.S. & Bryk, A.S. (1995). An emerging framework for analyzing school-based professional community. In K.S. Louis, S. Kruse & Associates (eds). *Professionalism and community: Perspectives on reforming urban schools*. Long Oaks, CA: Corwin.
- Marziah Rahim & Zanaton Ikhsan. (2017). *Reflections on teaching and learning of mathematics through Lesson Study and Video Critique*. *Advances in Social Sciences Research Journal*. 4(1) 50-61.
- Mazlina@SitiAishah, D. (2016). *Pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional untuk peningkatan kemahiran guru bahasa melayu mengajar penulisan karangan*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 1-10.
- Mohd Faiz, Mohd Ruzaimi & Jamal@Nordin Yunus. (2016). Konsep kolaborasi dalam komuniti pembelajaran profesional: Satu tinjauan dalam perspektif Islam. *Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 10 (1 - 9).
- Mohd Radzi Taib (2016). *Reka bentuk model kepimpinan ulul albab Maktab Rendah Sains Mara*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah.
- Mohd Yusri Ibrahim, & Aziz Amin. (2014). Model kepemimpinan pengajaran pengetua dan kompetensi pengajaran guru. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 11-25.
- Morrisey, M. S. (2000). *Professional learning communities: An ongoing exploration*. Austin, TX: Southwest Educational Development Laboratory.

- Muhammad Faizal A Ghani, & Abd Khalil Adnan. (2015). Model program perkembangan profesionalisme guru Malaysia: Satu kajian analisis keperluan di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 2 (2): 1-16.
- Muhammad Faizal A. Ghani, & Crow, G. M. (n.d.). Amalan komuniti pembelajaran profesional: Perspektif pemimpin sekolah cemerlang negara maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 10–27.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah, Zuraidah, & Norfariza. (2011). Pemimpin dan komuniti pembelajaran profesional. *Jurnal Pendidikan*, 31, 203-224.
- Myers, C. B. & Simpson, D. (1998). *Re-Creating schools: Places where everyone learns and likes it*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Nor Hasnida Che Md Ghazali & Effandi Zakaria. (2010). *Perkembangan profesional ke arah pembangunan modal insan guru*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hidayah (2014). *Hubungan amalan komuniti pembelajaran profesional dengan pencapaian murid sekolah-sekolah rendah daerah Batang Padang*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norhayati Ab Wahab (2009). *Amalan-amalan komuniti pembelajaran profesional di sebuah sekolah menengah Daerah Sepang*. Institut Pengajian Kepengetuan, Universiti Malaya.
- Nuraini Abu Bakar & Zanaton Iksan (2016). Perbandingan kelas terbuka dan sesi refleksi dalam pelaksanaan Lesson Study di antara Jepun dan Malaysia. 7<sup>th</sup> International Seminar on Regional Education: November 5-7, 2015.
- Rentfro, E.R. (2007). NAESP: Professional learning communities impact student success. *Leadership Compass*, 5(1) 3-5
- Roberts, S. M. and E. Z. Pruitt. (2009). *Schools as professional learning communities: Collaborative activities and strategies for professional development*. Thousand Oaks, Corwin Press.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil, & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 61-69.
- Rozita Radhiah dan Abdul Rasid Jamian (2012). Amalan pengajaran karangan di dalam bilik darjah: Kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 51-68.
- Rusmini Ku Ahmad. (2005). Mengukur keberkesanan sekolah: Satu perspektif daripada kerangka konsep “The Balanced Scorecard”. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 15 (01), 63-79.
- Schmoker, M. (2004). Learning communities at the crossroads: Toward the best schools we've ever had. *Phi Delta Kappan*, 86(1), 84-88.
- Stegall, D.A. (2011). *Professional learning communities and teacher efficacy: A correlational study*. Unpublished dissertation, University of North Carolina.

- Stoll & K. Seashore Louis (Eds.), Professional learning communities: Divergence, depth and dilemmas (pp. 93-105). Maidenhead Berkshire, England: Open University Press. Hancock,
- Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M., & Thomas, S. (2006). Professional learning communities: Review of the literature. *Journal of Educational Change*, 7, 221-258.
- Sujirah Ibrahim & Zuraidah Abdullah. (2013). Amalan-amalan komuniti pembelajaran profesional ke arah keberkesanan sekolah. *Jurnal Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*, 1-16.
- Supovitz, J.A., Turner, H. M. (2000). The effects of professional development on science teaching practices and classroom culture. *Journal of Research in Science Teaching*, 37 (9), 963-980.
- Taylor,M., Yates, A., Meyer, L.H. & Kinsella. P. (2011). Teacher professional leadership in support of teacher professional development. *Teaching and Teacher Education*, 27(1), 85-94.
- Thompson, S. C., Gregg, L., & Niska, J. M. (2004). Professional learning communities, leadership, and student learning. *Research in Middle Level Education Online*, 28(1), 24-54.
- Vandeweghe, R., & Varney, K. (2006). *The evolution of a school-based study group*. Phi Delta Kappan, 88(4), 282-286.
- Vescio, V., Ross, D., & Adams, A. (2008). A review of research on the impact of professional learning communities on teaching practice and student learning. *Teaching and Teacher Education*. 24, 80–91.
- Xiao Sai & Saedah Siraj. (2015). Professional learning community in education: Literature review. *Journal of Quality in Higher Education*, 2(2) 65-78.
- Yoon, S. W., Matsui, M., Yamada, T., & Nof, S. Y. (2009). Analysis of effectiveness and benefits of collaboration modes with information and knowledge-sharing. *Journal of Intelligent Manufacturing*, 22(1), 101–112.
- Zaleha Ismail & Nor Ashikin Ab Rahman. (2007). Pembangunan sistem sokongan pembelajaran kendiri dalam talian. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.of Educational Management*, 20(3), 224–232.
- Zuraidah Abdullah & Muhammad Faizal A Ghani. (2012). *Kepimpinan pengetua melalui pembelajaran komuniti profesional berdasarkan penambahbaikan sistem pendidikan*. Siri Monograf Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Zuraidah Abdullah, Rahimah Ahmad, Muhammad Faizal A Ghani, & Hailan Salamun. (2012). Komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan warga sekolah menengah di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012*, no117.
- Zuraidah Abdullah. (2010). *Profil komuniti pembelajaran profesional sekolah menengah di Malaysia*. Disertasi ijazah kedoktoran yang tidak diterbitkan Universiti Malaya.